

**Elemen thriller Islam dalam novel ‘Bidadari Bermata Bening’ Karya
Habiburrahman El-Shirazy**
*The Elements of Islamic thrillers in the novel of ‘Bidadari Bermata Bening’
by Habiburrahman El-Shirazy*

Rosli Abd Manas*
* roslimanas@yahoo.com

A. Halim Ali
halim.ali@fbk.upsi.edu.my

Ghazali Din
Ghazali_din@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Received: 21 Februari 2021; Published: 27 May 2021

Manas, R., Ali, A. H., & Din, G. (2021). Elemen thriller Islam dalam novel ‘Bidadari Bermata Bening’ Karya Habiburrahman El-Shirazy. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 1 - 19.
Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/135>

ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian kepustakaan yang bertujuan membina konsep ‘thriller’ berasaskan nilai-nilai Islam. Konsep ini dibina dengan memanfaatkan idea Teori Takmilah (1995) dan konsep ‘thriller’ Trish Macdonald Skillman (2000) yang disesuaikan dengan keterangkapan-keterangan dari sumber al-Quran. Tiga prinsip Teori Takmilah iaitu sastera yang estetik bercirikan takmilah, prinsip pengkarya yang mengistimakan diri dan prinsip khalayak bertujuan ke arah insan kamil digunakan bagi menjelaskan sifat teks, pengkarya dan khalayak sebagai tiga komponen penting yang mempunyai kaitan langsung dengan kehadiran unsur ‘thriller’ dalam teks kesusasteraan. Manakala unsur ‘thriller’ yang dikemukakan oleh Trish Macdonald Skillman iaitu emosi, kejutan, keliru, takut, sangkaan dan bahaya disesuaikan maksudnya dengan keterangan-keterangan dari sumber al-Quran. Makna baharu unsur ‘thriller’ dijadikan asas dalam kerangka konsep ‘thriller’ yang dibangunkan. Bagi membuktikan kesesuaian dan kebolegunaan konsep ini sebagai metode kritik, kaedah ini diaplikasikan dalam kritik novel *Bidadari Bermata Bening* (2017). Berdasarkan analisis yang dilakukan, dapat dibuktikan kewujudan unsur-unsur ‘thriller’ iaitu emosi, kejutan, takut, sangkaan, keliru dan bahaya yang dialami oleh watak-watak yang berkait langsung dengan kesedaran Islam. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pengarang Muslim memasukkan unsur-unsur ‘thriller’ dalam novel bertujuan menimbulkan kesedaran agama ke arah menyempurnakan tanggungjawab kesasteraannya baik sebagai pengarang, pembaca dan teks yang membawa mereka ke arah kesempurnaan. Berasaskan dapatan kajian konsep ‘thriller’ Islam dapat dijadikan alternatif kepada konsep ‘thriller’ Barat bagi memahami unsur-unsur ‘thriller’ dalam karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang Muslim dari perspektif yang berbeza.

Kata Kunci: Thriller, *Thriller Islam*, Takmilah, Novel, *Bidadari Bermata Bening*.

ABSTRACT

This library-based research aimed at constructing the thriller concept based on Islamic values. This concept is constructed by applying ideas from Takmilah Theory (1995) and the 'thriller' concept by Trish Macdonald Skillman (2000) which is adapted to align with sources from the Quran. Three principles of the Takmilah Theory, namely takmilah-based aesthetic literature, the writer who uses his text to produce pious individuals in order to explain the nature of the texts, the writer and the public as three important components directly related to the presence of the 'thriller' elements in literary texts. On the other hand, the 'thriller' elements introduced by Trish Macdonald Skillman such as emotion, shock, confusion, fear, anticipation and danger are adapted to suit with sources from the Quran. The new definition of the 'thriller' concept is used as a new critical methodology in order to find its suitability and usability in criticizing two novels, namely Bidadari Bermata Bening (2017). Based on the analysis, it can be concluded that the novels comprise of the 'thriller' elements such as emotion, shock, confusion, fear, anticipations and danger in the portrayal of the characters directly related to their awareness of Islamic values. The implication of the research indicates that Muslim authors insert the 'thriller' elements in their novels with the purpose of providing religious values and awareness as part of their responsibilities to become a better writer for the readers and texts towards achieving perfection. Based on the research findings, this Islamic 'thriller' concept serves as an alternative to the Western 'thriller' concept in order to understand elements of thriller in novels by Muslim authors albeit with different perspectives.

Keywords: Thriller, Islamic Thriller, Takmilah, Novel, Bidadari Bermata Bening.

PENGENALAN

Perkembangan kesusasteraan di Malaysia dan Indonesia telah melahirkan pelbagai genre penulisan seperti syair, gurindam, seloka, sajak dan terbaru novel (Tarigan, 1986, m.s.164). Novel dijadikan sebagai media oleh pengarang untuk mengungkapkan pengalaman, pemikiran, perasaan, idea, semangat dan keyakinan (Irwan P.Ratu Bangsawan, 2018) yang dikaitkan dengan realiti sosial pengarang.

Menurut Yakob Sumarjo (1995), perkembangan novel di Indonesia bermula dengan meletus Revolusi Industri pada abad ke-18 yang dikenali sebagai novel lacak. Kesusasteraan Indonesia turut dipengaruhi oleh kesusasteraan Arab, Belanda, Inggeris, dan karya-karya terjemahan asing yang lain ke bahasa Indonesia. Pengaruh kesusasteraan asing ini turut mempengaruhi penghasilan novel 'thriller' di Indonesia bermula dengan karya *Seitang-Koenig* yang ditulis oleh Raden Mas Tirta Adhi Soerjo (Sherry Simon & Paul St-Pierre, 2000). Perkembangan penulisan novel 'thriller' di Indonesia selepas itu turut dipengaruhi kelahiran syarikat percetakan bebas seperti Pustaka Baharu dan Pujangga Baharu yang menerbitkan buku terjemahan asing dan tempatan secara tidak langsung menggalakkan penulisan novel 'thriller' di Indonesia. Antara nama penulis novel 'thriller' moden yang masyhur ialah Es Ito, Eddie Nugraha, Rizki Ridyamasra, dan Ronny Mailindra.

Dalam pada itu, perkembangan novel 'thriller' yang berlaku di Indonesia bermula pada awal abad ke-20 oleh penulis Sino-Melayu melalui kerja-kerja penterjemahan karya Sherlock Holmes yang popular pada dekad 1920-an sehingga 1930-an yang kemudian dikarang oleh penulis Indonesia. Karya 'thriller' di Indonesia dan di Malaysia mencapai zaman kemuncak pada tahun 1980-an dan 1990-an sehingga kini. Antara penulis 'thriller' Indonesia yang dikenali ramai ialah S.Mara Gd. Beliau telah menghasilkan novel 'thriller' romantis secara bersiri yang berjudul *Misteri Dian yang Padam* (1985). Novel ini mendapat sambutan yang hangat di Indonesia. Pada dekad-dekad 1980-an sehingga 1990-an, beliau berjaya menghasilkan 15 judul 'thriller' secara bersiri. Pada tahun 2013, menurut Fadrik Aziz Firdausi (2018) penerbit buku melabelkannya sebagai "Penulis Thriller No #1 di Indonesia" berdasarkan catatan pada kulit bukunya.

Di sebalik pertambahan bilangan karya dengan pelbagai genre seperti thriller, pop, roman, misteri, ia telah menimbulkan kegelisahan dalam kalangan pengiat seni di negara yang terlibat. Dalam Kongres Bahasa Indonesia V (1994), ahli kongres tersebut menegur mengenai segelintir cendekiawan yang suka mengolok-olok pembaca novel pop, detektif, *spy*, thriller kerana kandungannya yang tidak berilmu, sebaliknya, Kongres menyarankan pengarang menyisipkan dakwah dalam penulisan novel. Saranan tersebut akhirnya disahut oleh Habiburrahman pada 2003 melalui novel roman 'thriller' yang pertama, iaitu *Ayat-Ayat Cinta*. Sebelum *Ayat-Ayat Cinta* ditulis, sudah wujud penulisan berunsur Islami yang dipelopori oleh Heru Susetyo tetapi disebabkan kekangan tertentu, usaha tersebut mati begitu sahaja sehingga muncul Habiburrahman. Bersesuaian dengan usianya, perkembangan sastera Islamik masih

berada dalam kepompong yang kecil. Pendedahan, perubahan, dan pendekatan konsep baharu sentiasa berlaku. Oleh yang demikian, masyarakat pembaca dan kritikawan memerlukan satu konsep dalam menilai sebuah karya yang memiliki ciri 'thriller' agar ia selari dengan budaya dan nilai-nilai Islam. Diharapkan dengan kelahiran konsep 'thriller' Islam, ia akan dapat mengangkat nilai dan jati diri masyarakat untuk lebih dekat kepada Allah SWT.

PERMASALAHAN

Penulisan novel 'thriller' di Malaysia dimulai oleh Muhamad Yusuf Ahmad dengan menghasilkan karya yang berjudul *Percintaan Lady Brazil* dan *Cubaan Kasih* yang berbentuk roman 'thriller' (Abdul Wahab Ali, 2012), dan diikuti Abdul Rahim Awang yang menulis novel 'thriller' seram (judul novel tidak diperoleh) dan kemudian diikuti Shamsudin Salleh dengan karya *Rahsia Yang Sangat Rahsia* (1936), *Bingkisan Rahsia* (1937) atau *Tiga Bulan Dalam Penjara* (1939). Kebanyakan novel 'thriller' ini bertemakan kekeluargaan, keagamaan, dan percintaan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat sekarang ini. Mohd Taib Osman (1988) menyebutkan bahawa Shamsudin Salleh menghasilkan novel 'thriller' penyiasatan pada tahun 1930-an atau lebih dikenali sebagai karya popular mata-mata gelap.

Antara penulis lain yang meneruskan legasi peninggalan penulis 'thriller' awal ialah Ramlee Awang Murshid. Beliau menghasilkan lebih 35 buah karya yang bercirikan 'thriller' dari tahun 1995 sehingga 2018 seperti *Igauan Maut* (1995), *ADAM* (2002), *Cinta Sufi* (2010) dan karya terbaharu, iaitu *Legasi Tombirou* (2018). Karya-karya 'thriller' ini memiliki pengikutnya yang tersendiri dan berjaya memikat hati pembaca. Contohnya, Ramlee Awang Murshid berjaya menambat hati pembaca dengan deretan siri novel 'thriller' yang ditulis. Kejayaan penulisan novel 'thriller' turut mempengaruhi kelahiran penulis muda yang berbakat, seperti Hilal Asyraf, Syauqie M.K, Ahmad Erdan, dan Norden Mohamed. Kebanyakan tema yang digarap dalam penulisan novel 'thriller' di Malaysia mengenai sosial dan politik. Lisabeth Littrup (1996), menyarankan kepada penulis 'thriller' agar bersikap adil ketika berkarya dengan membawa isu sebenar berbanding dengan kenyataan kerana genre ini memiliki pengikut yang ramai.

Walau bagaimanapun, perkembangan novel popular yang bercirikan 'thriller' tidak begitu menggembirakan para cendekiawan. Rahimah *et.al* (2014) memetik pandangan Mana Sikana yang menyatakan bahawa penghasilan novel-novel ini tidak begitu mementingkan kecaknaan bangsa, malah pengarang lebih mengutamakan populariti dalam meraih perhatian pembaca. Tujuan utama penghasilan novel ini bermotifkan keuntungan semata-mata seperti karya Ramlee Awang Murshid (Rahimah A.Hamid *et.al*, 2014). Selain itu, novel-novel 'thriller' dianggap sebagai tidak berkualiti khususnya dari sudut intelektual. Muhammad Haji Salleh (2009) berpendapat kebanyakan karya 'thriller' yang terdapat di pasaran tidak memiliki kualiti intelektual dan nilai kesusasteraan seperti kehendak para ilmuwan. Hal ini berkaitan dengan peranan pengarang dalam menghasilkan setiap karya. Sohaimi Abdul Aziz (2008) berpendapat setiap pengarang tanpa mengira genre mempunyai peranan yang tersendiri untuk membawa pembaca ke arah kebaikan. Menurut mereka lagi, setiap karya yang terhasil berdasarkan kewibawaan pengarang dalam mengolah dan menyusun penceritaan. Hal ini demikian kerana bukan pembaca yang menentukan setiap bentuk karya yang perlu dihasilkan oleh pengarang.

Selain itu, pengarang bebas menggunakan imaginasi, memilih kata, dan gaya bahasa dalam setiap karya yang dihasilkan walaupun berlawanan dengan Islam. Pengkarya yang menghasilkan karya tanpa disandarkan kepada Islam, maka dengan sendirinya karya itu tertolak dan tidak dapat diterima sebagai sebuah karya yang sempurna di sisi Islam (Abdul Halim Ali, 2014). Hal ini berbeza dengan penulis Islam, mereka menggunakan daya imaginasi, pemilihan kata, dan gaya bahasa sebaik mungkin agar selari dengan nilai-nilai Islam. Setiap perbuatan baik akan diganjar oleh Allah SWT. Islam tidak menghalang penulis untuk berimaginasi tetapi ia mestilah dikawal oleh kebenaran dan fakta dan tidak bersifat kosong sebaliknya mengandungi ilmu (Yusuff Zaky Yaacob, 1986). Maka tidak menghairankan jika elemen 'thriller' yang terkandung setiap karya, baik dari Indonesia atau Malaysia mudah terpengaruh kerana pemikirannya yang bersifat global menjadikan manusia semakin jauh daripada nilai-nilai Islam.

Di Malaysia, konsep sastera Islam dibincangkan secara umum oleh beberapa orang tokoh awal, seperti Muhammad 'Uthman El-Muhammady, Yusuff Zaky Yaacob dan penulis-penulis lain seperti Shahnun Ahmad dan Kassim Ahmad. Perbincangan ini dilanjutkan pula oleh beberapa orang sarjana pada tahun 1980-an sehingga 1990-an seperti Nurazmi Kuntum (1991) dan Shafie Abu Bakar (1997) dan Ismail Ibrahim (1999). *Konsep Sastera Islam* digunakan dalam kritikan sastera Melayu pada dekad 1980-an di peringkat pengajian tinggi dalam menilai karya Melayu (Mana Sikana, 2013). Sehingga kini,

terdapat beberapa buah teori sastera yang berlandaskan Islam diperkenalkan oleh tokoh-tokoh sarjana sastera, seperti *Teori Takmilah* yang diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar (1997), *Teori Taabudiyah* oleh Mana Sikana (1986), *Teori Persuratan Baharu* oleh Mohd Affandi Hassan (1992), *Teori Perkaedahan Melayu* oleh Hashim Awang (Hashim Awang, 2002), *Teksdealisme* oleh Mana Sikana (Abdul Rahman Napiah, 2006), dan *Teori Estetika Bersepadu* oleh Abdul Halim Ali (2010). Teori-teori ini pula telah digunakan dalam kritikan sastera dan kajian akademik di institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Dalam pada perkembangan sastera yang berkonsep Islam, munculnya juga teori sastera, novel-novel dan puisi yang berteraskan Islam. Menurut Nurazmi Kuntum (1991), perkembangan sastera bernuansakan Islam di Malaysia ketika ini, sebahagian besar daripadanya diusahakan oleh Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri. Daripada usaha ini mereka memperlihatkan sastera Islam memainkan peranan penting dan mewarnai suasana sastera negara. Perkembangan ini agak ketara berlaku dalam penghujung dekad 1900-an sehingga 1990-an, dan perkembangan novel yang berasaskan Islam ini munculnya pula perkembangan novel-novel ‘thriller’ yang berunsurkan Islam. Pada masa ini, novel ‘thriller’ Melayu bukan sahaja telah mempengaruhi kecenderungan minda berkarya malah memunculkan ramai penulis baharu yang memberikan tumpuan untuk menghasilkan novel-novel yang berbentuk ‘thriller’, seperti Hilal Asyraf, Syauqie M.K, Ahmad Erdan, Norden Mohamed, Abdul Rahim Awang, Zaharah Nawawi, dan Hamidah Kamaruddin.

Selain itu, novel-novel Melayu juga menguasai pasaran buku negara. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Nielsen Bookscan, novel yang mengisahkan ‘thriller’ dan jenayah mempengaruhi minat pembaca di Malaysia seperti yang berlaku di Britain. Menurut Amir Muhamad, pengasas buku Fixie Sdn. Bhd, novel seram dan ‘thriller’ muncul sebagai novel yang paling laris dijual di pasaran. Antaranya novel *Asmara* (jualan 50 000 naskhah) dan *Gantung* (2013) dengan jualan melebihi 52 000 naskhah yang ditulis oleh Nadia Khan dan *Infinity War* (2018) yang ditulis oleh Hadi Fayyad (Hafizah Iszahanid, 2019).

Perkembangan yang sama juga berlaku di Indonesia, kemunculan novel ‘thriller’ telah mewarnai perkembangan baharu sastera Indoensia. Antara novel ‘thriller’ di Indonesia seperti *Gerbang Dialog Danur* (2011) yang dikarang oleh Risa Saraswati, *Misteri Patung Garam* (2015) oleh Ruwi Meita, *Rantau Satu Muara* oleh Ahmad Fuadi (2013), dan *Angka 13* oleh Primadona Angela dan Shandy Tan (2015). Di sebalik perkembangan novel ‘thriller’ ini, munculnya fenomena novel ‘thriller’ yang berunsurkan Islam. Buku-buku novel ‘thriller’ menjadi satu fenomena baharu dan berjaya menimbulkan minat pembaca bukan sahaja di Indonesia, tetapi juga di Malaysia dan di Brunei. Antara novel yang berunsurkan Islam, seperti *Ayat-Ayat Cinta* (2004), *Ketika Cinta Bertasbih* (2007), *99 Cahaya di Langit Eropah* (2014) dan *Isabel: The jewel from Constantinople* (2016) yang dikarang oleh Habiburrahman El Shirazy, Hanum Salsabiela & Rangga Al-Mahendra, Deasyawati P, dan beberapa nama lain, seperti Asma Nadia, Tere Liye, Helvy Tiana Rosa serta Ahmad Fuadi yang dikategorikan antara penulis terlaris.

Salah seorang penulis novel ‘thriller’ Indonesia yang popular, iaitu Habiburrahman El Shirazy telah menghasilkan 11 buah novel, selain novel *Ayat-Ayat Cinta* (2003, edisi Malaysia, 2013a), iaitu *Di atas Sajadah Cinta* (2004), *Ketika Cinta Berbuah Surga* (2005), *Pudarnya Pesona Cleopatra* (2005), *Ketika Cinta Bertasbih* (2007), *Ketika Cinta Bertasbih 2* (2007), *Dalam Mihrab Cinta* (2007), *Langit Makkah Berwarna Merah* (2017), *Bidadari Bermata Bening* (2017a), dan *Bulan Madu di Yerusalem* (2018). Terdapat juga karya tersebut diterjemah, difilem dan dijadikan drama televisyen. Selain itu, novel-novel Habiburrahman juga menjadi sumber kajian akademik dalam kalangan sarjana dan mahasiswa pusat pengajian tinggi di Indonesia, di Malaysia, di Singapura dan di Brunei.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep ‘thriller’ daripada pandangan Barat di samping membangunkan konsep ‘thriller’ Islam berdasarkan konsep ‘thriller’ Trish Macdonald Skillman. *Konsep Thriller Islam* yang kemudiannya disesuaikan dengan tiga prinsip dalam *Teori Takmilah* iaitu (a) prinsip sastera berciri estetik dan bersifat *Takmilah* (sempurna dan menyempurnakan), (b) prinsip pengkarya yang mengistimalkannya diri (menyempurnakan), dan (c) prinsip khalayak bertujuan ke arah insan *kamil* (sempurna). Ciri-ciri thriller Islam yang dibangunkan ini kemudian diaplikasi kepada novel *Bidadari Bermata Bening* (2017) karya Habiburrahman El-Shirazy.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kajian kepustakaan. Kajian ini dipilih berdasarkan sumber data kajian yang diperoleh daripada bahan-bahan yang sedia ada dalam bentuk jurnal, buku, kajian akademik, kertas seminar, dan tesis sarjana. Beberapa kaedah digunakan dalam menganalisis data, iaitu kaedah analisis kandungan dan kaedah deskriptif. Data yang dianalisis dibincangkan secara deskriptif berpandukan *Konsep Thriller Islam*. Kerangka analisis kajian ini disandarkan kepada konsep 'thriller' Islam yang dibangunkan berdasarkan tiga prinsip Takmilah, *Konsep Thriller Islam* dan konsep 'thriller' yang disarankan oleh Trish Macdonald Skillman.

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kepustakaan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Kajian ini melibatkan proses mencari dan mengumpul maklumat daripada sumber yang dipilih. Utamanya yang turut dirujuk ialah buku-buku yang berkenaan Takmilah yang digagaskan oleh Shafie Abu Bakar iaitu *Estetika dan Takmilah* (1997), *Teori Sastera Islam* (Takmilah, Teori, Falsafah dan Prinsip) dalam Mana Sikana (1997), dan *Sastera Islam: Teori pengindahan dan penyempurnaan tauhid* (1995) yang diselenggara oleh S. Jaafar Hussin, Abdul Halim Ali. (2014). *Teori Takmilah: Peluasan dan pentaksiran, Inti Sari Teori Sastera: Barat dan Malaysia* (2018) oleh A. Halim Ali. Bahan bacaan ini merupakan antara sumber yang dapat memahamkan pembaca terhadap asas pembentukan teori sastera di Malaysia (Ali, A. H., & Ismail, K., 2013). Turut dirujuk ialah buku *Writing the Thriller* oleh Trish Macdonald Skillman yang kemudian disesuaikan dengan al-Quran dan al-hadis. *Konsep Thriller Islam* yang dibentuk kemudian diacukan ke atas novel *Bidadari Bermata Bening* (2017), karya Habiburrahman El-Shirazy.

Konsep Thriller Barat

Istilah 'thriller' bermaksud "a work of fiction or drama designed to hold the interest by the use of a high degree of intrigue, adventure, or suspense. Perkataan ini berasal dari perkataan 'thrill' yang membawa maksud sebuah cerita yang sensasi. Bagaimanapun, Martin Rubin (1999), menjelaskan mengenai konsep 'thriller' sebagai pengalaman perasaan pembaca seperti saspens, emosi, kejutan, imbasan dan sebagainya. Menurutnya lagi 'thriller' itu bersifat umum dan bergantung kepada pentafsiran masyarakat. Hal ini kerana sifat 'thriller' yang 'metagenre' dan juga dikenali sebagai 'thrilleresque' yang meliputi pelbagai jenis genre 'thriller' mengikut kesesuaian genre. Tafsiran yang berbeza kepada konsep 'thriller' menyebabkan wujud pelbagai kategori, seperti sains fiksi, penyiasatan, detektif, seram, dan sebagainya.

Manakala Trish Macdonald Skillman (2000) melalui bukunya *Writing the Thriller* telah mengabungkan konsep 'thriller' yang dibawa oleh A.M Macdonald dan Martin Rubin, mengenai konsep 'thriller'. Menurutnya sesebuah karya 'thriller' mestilah sesuatu yang bersifat saspens dan mengandungi unsur emosi. Hal ini demikian kerana dalam setiap buah karya 'thriller' ia sarat dengan unsur saspens, iaitu emosi, kejutan, sangkaan, keliru, ketakutan, dan bahaya. Pengarang menggunakan elemen ini untuk memberikan kejutan kepada pembaca dan menjadikan mereka keliru dengan bentuk penceritaan. 'Kejutan' menimbulkan rasa takut, dan teruja untuk menanti ketegangan yang seterusnya. Menurutnya lagi, karya saspens seperti aksi pengembaraan, 'thriller' perundangan, 'thriller' perubatan, 'thriller' politik, *suspense psychological*, saspens perhubungan romantik, *women in-jeopardy suspense* dan 'thriller' tekno. Beliau juga turut menerangkan dengan terperinci mengenai sesebuah novel 'thriller' seperti saspens, kriteria, pembentukan plot, sudut pandangan, latar cerita, matlamat, dan motivasi, dialog, muka surat, tema, penamat, jenis novel saspens, jumlah perkataan, kehendak pasaran, iaitu pembaca.

Sedangkan Charles Derry (2001) memberikan definisi 'thriller' sebagai sebuah karya yang bersifat saspens. Unsur saspens lahir daripada perbuatan watak, jalan cerita serta sub-genre penceritaan yang terdiri daripada pelbagai bentuk elemen 'thriller' yang terdapat di dalamnya. Manakala Patrick Quinlan (2019) menjelaskan maksud 'thriller' dengan merujuk kepada novel (atau wayang gambar, atau rancangan TV) yang dihasilkan bertujuan untuk melahirkan keseronokan kepada pembaca berdasarkan kepada struktur penceritaan sesebuah novel yang dihasilkan. Elemen struktur yang hadir dalam novel tersebut seperti watak, konflik, bentuk penceritaan, dan pembinaan plot.

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan oleh para pemikir seperti Martin Rubin dan Trish Macdonald Skillman, Charles Derry dan Patrick Quinlan maka dapat dirumuskan bahawa konsep 'thriller' mestilah mengandungi unsur emosi, saspens dan sensasi yang mendebarkan hati pembaca serta

dapat menimbulkan rasa ketakutan dalam kalangan pembaca. Secara ringkasnya, ciri-ciri 'thriller' dapat konteks pemahaman sarjana Barat seperti berikut:

- (a) Memiliki unsur saspens
- (b) Bersifat sensasi
- (c) Mendebarkan
- (d) Mengandungi nilai moral
- (e) Menggunakan teknik plot yang pantas
- (f) Memiliki unsur misteri

Dalam konteks kajian, definisi 'thriller' Trish Macdonald Skillman digunakan bagi memahami konsep 'thriller' Barat. Definisi 'thriller' Trish Macdonald Skillman didapati bersesuaian untuk menerangkan konsep 'thriller' kerana bersifat umum, iaitu sebarang bentuk cerita fiksi yang memiliki unsur emosi, kejutan, sangkaan, keliru, ketakutan, dan bahaya. Oleh itu, konsep ini sesuai untuk diterapkan dalam menganalisis novel *Bidadari Bermata Bening* serta diangkat sebagai novel 'thriller' kerana mengandungi unsur saspens di dalamnya, tanpa mengira patah perkataan yang terdapat dalam novel.

Bagi membincangkan aspek-aspek 'thriller' Islam yang dirumuskan sebagai kerangka analisis dalam teks yang dikaji, kerangka *Konsep Thriller Islam* memanfaatkan idea *Teori Takmilah* (1997) yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar dan konsep 'thriller' Barat oleh Trish Macdonald Skillman. Daripada *Teori Takmilah*, kajian ini memanfaatkan tiga prinsip yang disesuaikan dengan konsep 'thriller' Barat seperti yang dikemukakan oleh Trish Macdonald Skillman seperti (a) emosi, (b) kejutan, (c) keliru, (d) takut, (e) sangkaan, dan (f) bahaya. Penyesuaian ini diperlukan bagi membolehkan unsur-unsur 'thriller' yang diberikan oleh Skillman sejajar dengan lunas-lunas Islam. Perincian konsep 'thriller' Islam berdasarkan *Teori Takmilah* diperincikan dalam kajian ini.

Konsep Thriller Trish Macdonald Skillman

Trish Macdonald Skillman (1999) mengemukakan pandangannya mengenai 'thriller' melalui bukunya *Writing the Thriller*. Skillman mengaitkan unsur saspens yang terdapat dalam karya dengan menyenaraikan lapan kategori genre 'thriller' seperti pengembaraan aksi, 'thriller' undang-undang, 'thriller' perubatan, 'thriller' politik, saspens psikologi, saspens romantik, saspens *women-in-jeopardy* dan 'thriller' tekno.

Selain itu, Skillman turut menjelaskan sebab-sebab mengapa novel romantik tidak diterima sebagai salah sebuah 'sub-thriller' walaupun memiliki unsur saspens didalamnya. Hal ini kerana novel romantik tidak akur kepada struktur plot penceritaan selain, lebih menumpukan dua watak utama yang boleh ditebak kesudahan cerita tersebut, dan ia berbeza dengan romantik saspens yang menghadapi pelbagai halangan. Menurut Skillman, antara elemen utama saspens apabila watak hero dan heroin berada dalam situasi bahaya dengan berbagai jenis dan variasi. Berbanding dengan watak lain, watak protagonis mungkin berisiko untuk menjadi mangsa dan akhirnya menimbulkan perasaan simpati pembaca kepada watak utama. Hal ini kerana novel 'thriller' mempunyai hubungan yang rapat dengan elemen saspens. Menurutnya, saspens ialah emosional, iaitu kejutan, keliru, takut dan sangkaan. Saspens itu bahaya. Sangat bahaya. Ia mengenai kebimbangan mengenai apa yang berlaku, bukan sekadar tindakan yang berlaku pada masa ini.

Konsep 'thriller' telah mengubah atmosfera penulisan novel ketika ini apabila elemen yang tidak diketahui mula masuk dalam adegan kecil dengan membawa makna yang baharu. Contohnya, unsur saspens yang wujud dalam novel seperti watak utama yang terperangkap dalam kejadian yang menakutkan sehingga mereka mengambil beberapa langkah yang luar biasa. Watak berperanan untuk menyelamatkan seseorang atau sesuatu dari kematian atau kemusnahan.

Menurut Skillman lagi, watak merupakan elemen utama 'thriller' saspens. Pengarang mesti membina karakter yang kuat, jika watak tersebut jatuh, pengarang perlu melakukan sesuatu untuk membangunkan kembali dengan menyuntik pelbagai unsur untuk menguatkan watak. Apabila pengarang memahami karakter dan struktur naratif, secara tidak langsung watak utama dapat menentang penjahat dengan mengeksploitasi kelemahan watak yang lain, menjadikan plot penceritaan lebih menarik dan dapat memikat minat pembaca.

Selain itu, pengarang turut menerangkan mengenai ciri-ciri watak berdasarkan ciri fizikal, kepintaran, rendah diri dan kebanggaan. Oleh kerana itu, pembaca turut merasai emosi karakter terutama ketika menghadapi situasi yang sukar seperti ketika bekerja. Emosi watak utama sentiasa berubah-ubah terutama jalan cerita untuk melahirkan karya yang lebih baik dan bermakna, karya tersebut mestilah nampak hidup dengan menggunakan pelbagai teknik plot. Contohnya, dialog antara protagonis dan antagonis yang banyak mendedahkan maklumat kepada pembaca. Jadi tanpa disedari, pengarang dapat menggambarkan perilaku protagonis yang berbeza.

Sehubungan itu, bagi memastikan pembaca sentiasa berada dalam saspens, pengarang boleh menyembunyikan watak antagonis sehingga muka surat yang terakhir dengan tujuan untuk menimbulkan perasaan ingin tahu pembaca. Bagaimanapun, Skillman memberikan peringatan kepada pengarang supaya tidak melakukan kesilapan dengan menipu pembaca, iaitu dengan menimbulkan rasa syak wasangka, menggunakan sudut pandangan watak dan menamakan watak antagonis dengan nama. Dalam pada itu, watak sampingan juga berperanan membantu watak protagonis dalam membentuk cerita. Kebiasaannya watak pembantu berperanan mengalih tumpuan pembaca dengan hadir dalam plot menyebabkan pembaca menjadi keliru. Oleh itu, sikap pengarang yang tergesa-gesa menyebabkan watak kehilangan maklumat yang penting atau terdedah kepada situasi yang berbahaya.

Dari sudut plot pula, biasanya plot 'thriller' bermula dengan adegan saspens seperti pembunuhan, penculikan, perbuatan ganas atau dengan memberikan bayangan kepada pembaca mengenai apa yang akan berlaku. Pengarang akan mendedahkan kepada pembaca mengenai ancaman yang akan berlaku secara tersirat atau ancaman luar yang bakal dihadapi. Contohnya, pengarang akan memulakan plot dengan perbuatan penjenayah yang merosakkan atau menghancurkan sesuatu yang menyebabkan berlaku kemusnahan dan kematian. Kerja-kerja jenayah antagonis telah mendorong protagonis untuk percaya bahawa seseorang berada dalam bahaya. Kebiasaannya, unsur saspens dimulai dengan bunyian deringan telefon atau sesuatu kejadian yang menimbulkan perasaan ingin tahu mereka. Pengarang menggunakan unsur ini dengan tujuan untuk menarik perhatian pembaca.

Sementara itu, penggunaan unsur konflik dalam novel bertujuan mendedahkan maklumat kepada pembaca berdasarkan asbab. Pengarang membangunkan konflik plot dan watak dengan tujuan untuk membangkitkan rasa takut pembaca terhadap sesuatu peristiwa. Dalam penulisan 'thriller' saspens, kedua-dua unsur ini mempengaruhi perkembangan novel, contohnya penggunaan dialog, *plot twist*, pengakhiran cerita yang tergantung (*cliff-hanger*) dan imbasan muka (*foreshadowing*).

Selanjutnya, unsur konflik dan ketegangan yang lain ialah dialog watak, *plot twists*, tempoh akhir, dan *cliff-hanger* (bentuk pengakhiran sesebuah cerita yang samar-samar, tidak pasti keadaan atau bagaimana akan berlaku; tergantung). Dialog watak antara cara pengarang untuk mendedahkan apa yang berlaku. Contohnya melalui pertengkaran yang berlaku antara seorang remaja dengan bapa tirinya yang akhirnya menimbulkan konflik antara mereka. Begitu juga dengan watak yang berhadapan dengan halangan atau dilema mengenai apa yang berlaku. Contohnya, berdasarkan novel *Jaws* yang dikarang oleh Peter Benchley, pengarang menggunakan *plot twist* apabila watak Brody membunuh jerung. Selain itu, watak protagonis juga terpalit dengan konflik sehingga menimbulkan rasa panik dan tegang dalam usahanya untuk melindungi sesuatu dari bahaya.

Dalam pada itu, penggunaan imbasan muka dalam novel saspens 'thriller' kebiasaannya diceritakan dalam bentuk prolog di permulaan novel. Penggunaan imbasan muka untuk memberikan bayangan akan berlaku sesuatu yang berbahaya akan menimpa. Contohnya mengenai Emily yang bimbang dan takut anaknya dilarikan ketika berada di Taman Bandaran New York, oleh *The Chocolate Man*, walaupun dia berpesan kepada anaknya agar sentiasa berhati-hati ketika berada di situ. Bagaimanapun, ibu bapa harus menyedari situasi dan masalah diluar.

Selain itu, latar juga mempunyai fungsi yang tersendiri dalam novel 'thriller' saspens. Skillman menjelaskan mengenai penggunaan latar penderiaan untuk digunakan pengarang ketika menerangkan mengenai persekitaran lokasi penceritaan, contohnya di kawasan luar kota, ladang, atau di bilik perubatan. Namun begitu, pengarang juga menggunakan pelbagai kaedah seperti penggunaan alat peranti kepada watak yang terlibat bertujuan untuk melindungi mereka dari dikenali oleh masyarakat. Bagaimanapun, mereka tidak dapat menyembunyikan identiti mereka buat selama-lamanya, kemungkinan rahsia mereka terdedah adalah besar dan boleh membahayakan nyawa diri dan keluarga. Oleh kerana itu, lokasi plot turut mempengaruhi unsur saspens yang terdapat didalamnya dengan cara terperinci. Penggunaan latar yang jelas dan tepat dapat memberikan gambaran mengenai karakter watak berdasarkan kepada monolog dalaman, kebiasaan, status dan sejarah hidup.

Seterusnya, penerimaan pembaca terhadap novel turut dipengaruhi oleh penggunaan sudut pandangan pengarang. Pengarang menggunakan sudut pandangan serba tahu, orang pertama, terhadap pandangan orang yang ketiga. Contohnya penggunaan sudut pandangan orang ketiga membenarkan pengarang melihat watak utama secara keseluruhan kerana memiliki autoriti. Dari sudut penulisan pula, ia satu kaedah yang baik dan berbeza dalam situasi sebenar, dan sukar dilakukan. Bagaimanapun penggunaan sudut pandangan serba tahu tidak sesuai digunakan dalam karya 'thriller' saspens, kerana ia melibatkan pengalaman watak yang dikait dengan emosi watak. Sudut pandangan serba tahu pula menghalang pembaca untuk mengetahui dengan lebih dekat. Selalunya pengarang 'thriller' menulis berdasarkan sudut pandangan ini.

Sudut pandangan orang kedua membenarkan pengarang bercerita secara terus kepada pembaca. Secara asasnya, pembaca menjadi protagonis yang tidak dinamakan dengan menjadi sebahagian dari cerita. Pembaca secara tidak langsung mengetahui gaya penulisan, menikmati dan mengukuhkan unsur saspens jalan cerita. Penggunaan kaedah ini lebih baik, dan unik kerana tidak terlalu bergantung kepada saspens. Sedangkan, sudut pandangan orang pertama membenarkan pengarang melihat watak utama, dan selalu mengingatkan pengarang mengenai watak utama. Sudut pandangan ini dapat membina hubungan yang lebih rapat dengan merasai bersama emosi watak. Dalam pada itu, penggunaan sudut pandangan orang ketiga, hanya pembaca tahu, melihat dan mempelajari apa yang dilakukan oleh watak. Pengarang tidak mempengaruhi pemikiran watak, namun terdapat banyak kelemahan kerana pengarang tidak dapat menjelaskan keseluruhan watak. Pengarang hanya boleh menerangkan watak berdasarkan penampilan dan reaksi fizikal.

Selain itu, pengarang turut mengaitkan sejarah watak anagonis atau protagonis sebagai latar penceritaan mengikut kehendak pembaca. Hal ini kerana, setiap watak mempunyai sejarah dan peranan tersendiri dengan tujuan untuk memikat hati pembaca. Manakala pengarang memberikan reaksi mereka kepada pembaca melalui pengembangan plot novel. Watak-watak yang wujud dalam novel disesuaikan mengikut material dan bentuk penulisan. Penggunaan maklumat secara terperinci berdasarkan data-data sejarah memberikan kesan yang maksimum terhadap motivasi watak, aksi dan emosi. Bagaimanapun, pengarang tidak berjaya memenuhi semua kehendak pembaca contohnya mengenai kehadiran 'thriller' di setiap bab. Skillman telah membahagikan kehadiran unsur 'thriller' dalam setiap novel kepada empat adegan, di adegan pertama pengarang mendedahkan rancangan antagonis untuk melakukan sesuatu (unsur 'thriller' pertama).

Dalam adegan yang kedua pula, pengarang bercerita mengenai seorang ibu dan anaknya berkunjung ke sebuah pasar raya. Ketika tiba disana mereka diperkenalkan dengan seorang anggota sekuriti, kemudian diterangkan mengenai tanggungjawab dan jenis-jenis kawalan yang terdapat di situ. Anaknya mula berasa cuak, bosan dan membazir masa dengan pelbagai kawalan keselamatan yang ketat yang terdapat di situ. Ketika ini, pembaca memahami sikap protagonis dan kesedaran mengenai bahaya yang mungkin berlaku. Dalam pada itu, pengarang tidak menerangkan identiti anggota sekuriti (tidak dinamakan) yang bertugas sebagai Koordinator Keselamatan (*foreshadow*) bertujuan untuk mewujudkan unsur saspens dalam plot dengan menyembunyikan identiti.

Seterusnya, dalam adegan yang ke tiga, seorang lelaki (bernama) telah menyerang loji kuasa dan menyebabkan berlaku kejadian tembak menembak antara penyerang dengan sekuriti. Ketika kejadian berlaku keluarga tersebut turut terperangkap dengan bersembunyi di bawah sebuah meja di dalam sebuah pejabat. Pada masa itu, si ibu berpesan kepada anaknya agar terus bersembunyi tanpa mengira apa yang berlaku. Adegan yang terakhir, ibu kanak-kanak tersebut ditangkap oleh penyerang. Berdasarkan adegan tersebut, pengarang bertanggungjawab memberikan penjelasan dengan terperinci mengenai latar belakang cerita dan semua maklumat mengenai adegan yang berlaku. Kerja-kerja perincisan pengarang membangkitkan kesan motivasi, aksi dan emosi watak yang terlibat berdasarkan kepada plot dan tempat.

Sementara itu, penggunaan unsur imbasan kembali dalam novel 'thriller' dilakukan melalui perbualan watak secara imbasan kembali, dilakukan dengan baik agar pembaca tidak bosan dengan perubahan teknik penceritaan yang berlaku secara tiba-tiba. Unsur ini digunakan sekali-sekala dengan menggunakan teknik *cliff-hanger* menjadikannya berkesan. Contohnya mengenai siasatan polis ke atas ibu yang telah membunuh dua orang anaknya. Maka, pengarang menggunakan teknik imbasan kembali berdasarkan dialog yang berlaku di antara mereka untuk mengenalpasti pembunuh dengan menggunakan transisi cerita yang ringkas sebagai isyarat kepada pembaca mengenai penggunaan unsur tersebut. Oleh kerana itu, penggunaan teknik ini menimbulkan perasaan ingin tahu pembaca, keterujaan dan unsur emosi yang lain seperti takut, marah dan benci. Penggunaan teknik imbasan kembali dan *cliff-hanger* menyebabkan pembaca meneka motif pembunuhan anak tersebut.

Selain itu, pengarang menerangkan bagaimana penggunaan imbasan kembali mempengaruhi pembentukan 'thriller' berdasarkan kepada empat babak. Prolog bermula dan berakhir dengan bunyi deringan telefon. Babak pertama bermula apabila seorang pelajar senior disyaki merogol dan membunuh kekasihnya, tetapi tidak pernah dibicarakan. Di babak yang kedua pula, polis telah melakukan persediaan dan penyiasatan kerana berlaku pengulangan kes. Polis telah menahan seseorang yang disyaki, bekas kawannya yang berkerja sebagai seorang guru dan mempunyai hubungan dengan mangsa, pelajarnya. Pada babak yang ketiga, pengarang membawa pembaca menghayati perbicaraan yang berlaku di mahkamah. Di bab keempat, pengarang memberikan maklumat mengenai guru tersebut dengan menggunakan teknik imbasan cerita. Latar cerita mendapati guru tersebut tidak terbabit dalam kejadian tersebut sebaliknya dilakukan oleh seseorang. Oleh sebab itu, penggunaan unsur kejutan dalam teknik imbasan kembali perlu dilakukan secara berhati-hati kerana boleh mempengaruhi emosi pembaca dan juga jalan penceritaan.

Kesimpulannya, penggunaan imbasan kembali merupakan salah satu bahagian dalam penulisan 'thriller' saspens kerana ia akan mendedahkan sifat watak, mempengaruhi pembentukan plot, *foreshadow*, reaksi watak, watak yang disyaki atau maklumat salah. Penggunaan unsur sebegini akan meningkatkan saspens dan ketegangan dalam alur penceritaan dengan wujudnya konflik, menyebabkan protagonis berasa takut dan menjelaskan sebab-sebab berlakunya sesuatu aksi. Sebagai rumusan, penggunaan pelbagai teknik dalam penulisan novel 'thriller' seperti watak, imbasan muka, imbasan kembali, sudut pandangan berjaya mewujudkan pelbagai unsur saspens novel. Antaranya seperti emosi, kejutan, keliru, takut dan sangkaan dan bahaya yang wujud dalam setiap adegan yang berlaku menjadikan karya ini menjadi semakin menarik untuk dibaca.

Tiga Prinsip teori Takmilah yang mempengaruhi pembentukan 'Thriller' Islam

Pemilihan tiga buah prinsip yang terdapat dalam Teori Takmilah iaitu prinsip sastera berciri estetik dan bersifat Takmilah (sempurna dan menyempurnakan), prinsip pengkarya yang mengistimikan diri (menyempurnakan) dan prinsip khalayak bertujuan ke arah insan kamil (sempurna). Pemilihan tiga prinsip yang berkaitan dengan teks, pengarang dan pembaca di atas dirincikan seperti berikut;

Pertama, sepanjang penelitian yang dijalankan terhadap novel 'thriller' Barat, seperti *Pet Sementery* didapati tidak wujud hubungan tauhid dalam karya yang dihasilkan oleh penulis Barat (Nurazmi Kuntum, 1991). Contohnya, terdapat watak yang tidak mempercayai kepada *qada* dan *qadar*, atau konsep ketuhanan dengan melakukan perkara yang bertentangan dengan agama seperti pemujaan untuk menghidupkan kembali orang yang telah mati. Oleh kerana itu, menurut Shafie Abu Bakar (1995) yang membezakan karya Barat dengan Islam ialah sifatnya yang memisahkan dirinya dengan agama kerana terlalu mendukung kebebasan berkarya, imaginasi yang melampau menjadikan karya tersebut bersifat kosong, tidak mempunyai makna dan membantu membangun kejiwaan pembaca.

Kedua, setiap karya yang ditulis oleh penulis Muslim akan memasukkan elemen tauhid seperti akidah, syariah dan akhlak secara tidak langsung. Pengarang menjadikan syariat Islam sebagai landasan berdakwah dengan melunaskan tanggungjawab mereka terhadap agama, dengan menganjurkan *amar makruf nahi mungkar*. Justeru, konsep sebegini tidak wujud dalam novel 'thriller' Barat, yang terlalu mementingkan keinginan pembaca sehingga mengabaikan nilai-nilai agama. Menurut Arya W. Wirayuda (2019) kebanyakan novel 'thriller' yang ditulis oleh penulis Barat seperti Dan Brown telah memuatkan pelbagai teori konspirasi dalam *The Da Vinci Code* yang bersifat fatal kepada watak-watak yang terlibat dengan mengaitkan agama dengan sains di dalamnya. Oleh kerana itu, menurut Shafie Abu Bakar (1996), pengarang yang memahami al-Quran dan sains yang terkandung di dalamnya berupaya melahirkan sebuah karya yang hebat seperti sastera Barat tetapi bertunjangkan sastera Islam.

Ketiga, peranan watak dalam mempengaruhi perasaan dan perlakuan pembaca dengan mencontohi nilai-nilai positif watak. Watak Fahri, Aisha, dan Maria contohnya, berkarakter baik seperti menghormati tetamu, rakan tetangga, mencintai ilmu, dan sentiasa menjaga pergaulan. Begitu juga dengan Ayna digambarkan seorang yang sempurna, sabar dan berwatak menarik. Dalam hal ini, pengarang telah menerapkan *ihsan* dalam penulisan mereka dengan tujuan untuk menyampaikan kebaikan kepada pembaca. Kecenderungan pengarang menjadikan karya sebagai medium dakwah kerana menyedari peranan seni dalam khalayak bersifat horinzontal (Siti Hajar Che Man, 2014). Akhirnya, pengarang berjaya mengislamkan Maria dan Alicia dengan bersaksi mengucap dua kalimah syahadat, pada saat akhir kehidupan mereka mengabsahkan watak sebagai medium dakwah. Oleh kerana itu, Shafie Abu Bakar (1996) menjelaskan karya ini telah mencapai kesempurnaan dengan melahirkan karya yang

bercerminkan Islam, bersifat khusus dan mendalam sehingga mampu menarik minat non-Muslim mendekati Islam.

Keempat, hasil pembacaan karya Islam dapat mengingatkan pembaca mengenai kepentingan mendalami ilmu. Hal yang demikian, wujudnya proses *imarah* ilmu berasaskan pemerhatian dan penghayatan yang lebih mendalam melalui bahan bacaan atau menghadiri majlis-majlis ilmu. Isu-isu mengenai keilmuan Islam dapat disebarkan kepada masyarakat. Rahimah A. Hamid (2015) contohnya, mengakui mengenai fungsi sastera Islam untuk membentuk jiwa manusia yang berilmu akan tercapai, bersesuaian dengan peranannya sebagai alat penyebaran agama. Menurut Rahimah A. Hamid lagi, peranan sastera itu sendiri sebagai pelengkap ilmu dalam menyelesaikan sesuatu konflik menjadikannya sentiasa relevan dan signifikan. Kesesuaian tersebut mengikut Shafie Abu Bakar (1997) ditransformasikan sebagai sebuah ilmu yang baharu, dan memberikan impak kepada penyebaran Islam maka, kejayaan pengkarya dalam berkarya membuktikan kebolehan menghasilkan karya kreatif berdasarkan hukum Allah, secara tidak langsung menunjukkan sikap seorang hamba takmilah. Hal ini sama dengan apa yang dilakukan oleh Ida Roziana & A.Halim Ali (2018, 2019) dalam kajiannya ke atas cerpen-cerpen Aminah Mokhtar yang menggunakan prinsip Feminsime Talbiah dan Ghazali Din & A.Halim Ali (2020).

Kelima, Pengarang mesti mempunyai rasa tanggungjawab terhadap pembaca dengan menghasilkan karya yang baik. Contohnya, dengan menggalakkan manusia membuat kebaikan, menjauhi kemungkaran atau mendorong manusia melakukan kejahatan dan sukakan maksiat. Hal ini kerana, sastera yang baik akan mengangkat nilai moral kemanusiaan, kerana sifatnya yang menghubungkan pengarang dengan masyarakat. Oleh kerana itu, seringkali sastera menggambarkan mengenai konflik batin seseorang untuk membuat kebaikan atau sebaliknya. Nur Izwani Mohamad Noor (2011) turut mengesahkan mengenai kepentingan hubungan pengarang dan pembaca ketika mengkaji karya Ramlee Awang Murshid, dan selari dengan prinsip khalayak ke arah insan yang kamil yang turut menekankan hubungan yang baik di antara pembaca dengan pengkarya dan selari dengan pandangan Shafie Abu Bakar.

Keenam, setiap pengarang mempunyai tanggungjawab terhadap Allah SWT. Setiap pengarang wajib menyedari dan memahami bahawa wujud satu ikatan yang tidak langsung di antara dirinya dengan pihak satu lagi. Oleh itu, setiap pengarang harus memikul tanggungjawab dengan menghasilkan karya yang dapat mengukuhkan pegangan agama serta memberikan faham nilai budaya bangsa sendiri dengan tidak mendedahkan pembaca dengan idea-idea yang membahayakan akidah. Justeru, penulis bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara, tanpa mengabaikan fungsi pengarang iaitu untuk berdakwah, dan berjihad kepada Allah SWT. Oleh kerana itu, pengarang Muslim harus sentiasa memanfaatkan unsur-unsur keindahan ketika berbahasa dengan menggunakan bahasa yang sopan (Mohamad Saleeh Rahamad dan Mohd Rozlan Mohamed Noor, 2014). Pengakuan sarjana Muslim seperti Mohamad Saleeh Rahamad secara tidak langsung mengesahkan keabsahan prinsip sastera yang bercirikan estetik dan bersifat takmilah yang dibawakan oleh Shafie Abu Bakar.

Konsep Thriller Islam

Objektif kedua kajian ini ialah untuk membangunkan satu konsep 'thriller' bercirikan Islam. Untuk itu, kajian ini telah menggabungkan idea *Teori Takmilah* dan menyesuaikan idea konsep 'thriller' Barat oleh Trish Macdonald Skillman. Tiga prinsip *Teori Takmilah* ialah (a) prinsip sastera bercirikan estetik dan bersifat takmilah (sempurna dan menyempurnakan), (b) prinsip pengkarya yang mengistikmalkan diri (menyempurnakan) dan terakhir (c) prinsip khalayak bertujuan ke arah insan kamil. Pemilihan tiga prinsip ini berasabkan kepada sastera, teks dan pengarang.

Membangunkan Konsep Thriller Islam.

Proses membangunkan konsep 'thriller' Islam dalam bahagian ini berasaskan kepada enam ciri 'thriller' yang diambil daripada Trish Macdonald Skillman, iaitu emosi, kejutan, keliru, takut, sangkaan dan bahaya yang kemudiannya disesuaikan menurut *Teori Takmilah*, iaitu prinsip sastera yang indah dan bercirikan estetik, prinsip pengkarya yang mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan untuk melahirkan insan yang kamil.

Unsur 'thriller' Skillman yang pertama ialah emosi. Emosi berdasarkan perspektif Skillman berbeza dengan Islam. Islam mentakrifkan emosi bukan kerana rasa takut, sedih, malu, marah, kecewa, sedih, dan benci semata-mata tetapi ia merujuk kepada sesuatu yang lebih luas, berkuasa dan

berkedudukan lebih tinggi dari segala-galanya, iaitu Allah SWT. Oleh itu, emosi yang dialami pembaca lebih kepada pernyataan emosi takut untuk melakukan maksiat, takut akan seksaan Allah. Selain itu malu membuat perkara buruk dan fitnah. Rasa malu menjadikan seseorang *istiqamah* melakukan sesuatu pekerjaan, memelihara diri dari membuat perkara yang tidak baik. Selain itu, emosi marah yang diungkapkan pula mengenai rasa marah apabila melihat perkara yang mungkar, dan emosi sedih pula kerana tidak dapat menunaikan perkara yang dituntut oleh Islam, sikap masyarakat, dan kealpaan manusia mengenai peringatan dan teguran Allah SWT. Terakhir sekali mengenai rasa benci yang membawa kemudahan kepada kesempurnaan iman seseorang/orang mukmin sehingga mendatangkan syirik kepada Allah SWT.

Sementara itu, unsur kejutan menurut Skillman pula lebih menumpukan kepada keseronokan, kegembiraan, dan ketakutan berserta isu-isu spiritual, politik dan budaya. Perubahan jalan cerita yang berlaku secara tiba-tiba oleh pengarang menimbulkan rasa kejutan dan keterujaan kepada pembaca. Bagaimanapun unsur kejutan menurut Islam berbeza dengan Barat kerana ia bertalikan Islam, iaitu mengenai cabaran, sindiran, dan ancaman yang menakutkan kepada pembaca terutama dalam hal-hal yang berkait dengan kehidupan selepas mati seperti seksaan kubur dan neraka. Selain itu, ia turut membangkitkan keterujaan pembaca mendengar berita-berita yang mengembirakan dari Allah SWT seperti balasan syurga. Oleh kerana itu, pembaca beroleh berita gembira yang dimuatkan dalam karya oleh pengarang yang menggunakan ilmu agama untuk menghasilkan karya yang bercirikan Islamik. Selain karya tersebut untuk mendidik pembaca, secara tidak langsung nilai-nilai Islam yang dibawa pengarang berjaya mengistimakan dirinya Di samping membentuk akhlak pembaca.

Seterusnya, elemen 'thriller' yang dibawa Skillman sangat mengelirukan pembaca terutama mengenai struktur naratif, plot dan watak yang menyebabkan jalan cerita bercelaru dengan pelbagai penggunaan unsur seperti imbasan muka, imbasan kembali, dan sudut pandangan. Akhirnya pembaca menjadi keliru dengan peristiwa, watak dan jalan penceritaan. Menurut Skillman kekeliruan inilah yang melahirkan unsur 'thriller' yang menyeronokkan dan mendebarkan. Bagaimanapun unsur keliru menurut Islam dikaitkan dengan ujian Allah SWT kepada seseorang dalam kehidupan sehariannya seperti syirik, musibah, kesusahan, keburukan, perpecahan, dan pembunuhan. Kesemua elemen yang berlaku dipertalikan dengan akidah, syariah dan akhlak. Oleh itu, elemen keliru dari sudut Takmilah bertujuan untuk memperteguhkan keyakinan kepada Allah SWT agar pembaca tidak terkeliru dengan konsep ketuhanan sehingga menimbulkan syirik, begitu juga dengan pengarang. Kebolehan pengarang menghasilkan karya yang bermanfaat dan memberikan makna kepada pembaca menunjukkan kemampuannya dalam mengistimakan diri dengan karya yang terhasil malah berupaya melahirkan khalayak ke arah insan kamil.

Selanjutnya, Skillman juga menyentuh mengenai rasa takut sebagai salah satu unsur 'thriller' di dalam novel. Takut yang terangkum dalam karya 'thriller' Skillman ialah mengenai rasa takut terhadap sesuatu perkara, atau ketakutan yang lahir daripada peristiwa yang telah berlaku dari terdedah dan diketahui oleh orang ramai. Pendedahan tersebut menimbulkan ketakutan kepada watak dan orang disekitarnya. Justeru, elemen takut inilah yang menimbulkan unsur 'thriller' seperti saspens dan emosi. Namun, elemen takut menurut perspektif Islam untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah. Elemen takut berperanan sebagai pengawal dalam mengawal tingkah laku seseorang agar sentiasa patuh pada ayat-ayat Allah SWT. Oleh itu, rasa takut hanya difokuskan kepada Allah SWT bukan kepada manusia. Rasa takut menurut 'thriller' Islam berdasarkan prinsip sastera Takmilah untuk membentuk sebuah karya yang sempurna. Apatah lagi, karya-karya yang terhasil dapat membuktikan pengarang berjaya menyempurnakan dirinya dengan mengaitkan elemen 'thriller' Barat dengan ilmu Islam. Karya-karya ini kemudiannya diterima dengan baik oleh pembaca, dihadap mesej-mesej yang terdapat didalamnya, secara tidak langsung dapat membentuk khalayak yang berakhlak.

Selain itu, unsur sangkaan yang wujud dalam novel 'thriller' Barat, merupakan andaian, jangkaan dan ramalan peristiwa yang bakal berlaku bersumberkan pendedahan maklumat yang dipamerkan oleh pengarang. Justeru, penggunaan unsur ini bertujuan menimbulkan rasa teruja, takut, gembira dan bimbang terhadap peristiwa yang bakal berlaku. Bagaimanapun, pengarang berkuasa mengubah jalan penceritaan dengan menggunakan teknik plot *cliff-hanger* yang menyebabkan situasi tidak menentu. Namun unsur sangkaan ini berbeza menurut 'thriller' Islam. Walaupun memiliki peranan yang sama dengan Barat, tetapi kita diminta untuk bersangka baik kepada sesuatu perkara.

Seterusnya, Skillman turut mengemukakan unsur bahaya dalam novel 'thriller'. Bahaya menurut Barat ialah perasaan rasa takut, bimbang, khawatir, dan risau akan sesuatu perkara, kejadian dan kesannya. Pengarang menggunakan pelbagai unsur naratif dan plot untuk melahirkannya. Contohnya, pengarang

The Da Vinci Code iaitu Dan Brown (2003), menggambarkan mengenai bahaya yang perlu dihadapi oleh Robert Langdon (ahli Simbologis) dan Sophie Neveu (ahli Kriptologi). Langdon dan Neveu terjebak dengan plot pembunuhan yang berlaku di Muzium Louvre. Mereka mendapati di badan mangsa tertulis beberapa kod rahsia, yang kemudiannya menyebabkan mereka diburu oleh pihak yang tidak dikenali.

Bagaimanapun bahaya menurut Islam dikaitkan dengan akidah, syariah dan akhlak. Contohnya, perkahwinan di antara Ayna dengan Yoyok. Perkahwinan tersebut berbahaya kepada akidah kerana sikap tidak acuh mereka kepada agama, dan keinginan Brams untuk mengahwini Ayna secara 'siri'. Jika perkahwinan ini diteruskan, berbahaya kepada akidah dan anaknya, ditambahi dengan sikap Brams yang tidak bertanggung jawab.

Dari sudut Takmilah, berdasarkan kepada prinsip sastera berciri estetik dan bersifat Takmilah pula, penggunaan unsur emosi dalam karya 'thriller' bertujuan untuk menimbulkan, membangkit dan menyentap perasaan pembaca. Bagaimanapun, emosi pembaca terarah kebaikan dengan tujuan untuk mendapatkan pengampunan dari Allah SWT. Pengarang menggunakan ilmu agama yang diperoleh dan mengolah kembali pengetahuan tersebut dengan mengadun karya pengarang Barat menurut perspektif Islam dengan cara yang lebih kreatif dan berseni. Oleh yang demikian, menurut Shafie Abu Bakar (1995), pengarang secara tidak langsung menyampaikan falsafah dan pemikiran Islam kepada pembaca dengan menggunakan simbol emosi, menjadikan karya sempurna dan bersifat Takmilah.

Dari prinsip pengkarya pula, pengarang mengadun ilmu kesusasteraan Barat dan Islam dalam satu media sastera dengan memberikan roh Islam. Kebolehpayaan pengarang menyesuaikan elemen Barat menurut perspektif Islam menjadikannya karya berkualiti. Hal ini kerana, pengarang menghasilkan karya berdasarkan ajaran Islam yang sebenar. Secara tidak langsung pengetahuan pengarang mengenai keilmuan Islam menggambarkan kepada kesasteraan pengarang mengenai karya-karya yang bercorak Islamik (Shafie Abu Bakar, 1996). Oleh itu, segala karya Islam yang menggunakan unsur 'thriller' Barat mestilah bersendikan kepada Tauhid kerana ia menggambarkan kepada hubungan dan pengabdian hamba kepada pencipta. Contohnya, mengenai rasa takut yang wujud dalam 'thriller' tidak terhenti di novel sahaja, tetapi lebih kepada itu, iaitu membangkitkan lebih rasa takut kepada Allah SWT, mengenai ketakutan selepas mati.

Selain itu, antara tujuan penulisan karya yang berunsurkan Islam untuk membangkitkan kesedaran, ketakutan, dan keinsafan kepada pembaca. Pengarang menggunakan pendekatan Islam ketika mengadaptasi elemen 'thriller' Barat dengan menggunakan kisah para anbia, dan masa kini secara kontemporari. Kisah-kisah yang dikutip melalui pembacaan dan pengalaman harian kemudiannya dipaparkan untuk direnung dan diambil manfaat darinya. Shafie Abu Bakar (1996) menyatakan pengarang akan menemui kesempurnaan berkarya apabila berjaya membentuk pembaca menjadi insan sempurna. Oleh itu ia bersesuaian dengan prinsip Takmilah.

Sebagai contohnya, diterangkan bagaimana pengkarya berjaya mengistimakan diri dengan menggabungalinkan unsur sastera Barat menurut perspektif Islam. Contohnya mengenai Fahri yang menjadi kaya secara tiba-tiba setelah berkahwin dengan Aisha. Namun begitu, kekayaan segera yang tidak membuatkan Fahri gembira sebaliknya menjadikannya lebih takut dengan kekayaan tersebut. Fahri menganggap kemewahan segera yang diperoleh olehnya merupakan *istidraj* dari Allah SWT. Oleh kerana itu, Fahri berasa takut dengan kekayaan tersebut, bukan kerana takut memiliki wang yang banyak tetapi takut kepada azab dan balasan dari Allah SWT kepada mereka yang kufur dan tidak bersyukur kepada nikmat-Nya. Rasa takut Fahri bersandarkan kepada kisah yang berlaku kepada Qarun dan Haman yang kufur dan sombong dengan nikmat yang diberikan kepadanya oleh Allah SWT seperti yang dicatatkan dalam surah *al-Ankabut:39* dan surah *al-Qashah:76*.

Berdasarkan prinsip khalayak ke arah insan kamil, ia lebih mementingkan hubungan antara pembaca dengan pengarang dalam menilai karya pengarang. Reaksi positif pembaca terhadap karya yang ditelaah menandakan kejayaan pengarang menyampaikan mesej kepada pembaca. Oleh kerana itu, menurut prinsip ini, pembaca menerima dengan baik segala unsur emosi yang terdapat dalam novel 'thriller' kerana sifatnya yang serasi dengan nilai-nilai Islam seperti digariskan oleh Shafie Abu Bakar (1995). Justeru, karya 'thriller' menurut prinsip ini mestilah melengkapi pakej sebagai sastera Islamik, berperanan membawa kebaikan kepada pembaca, melunaskan rasa kasih dan rindu kepada Allah SWT. Kesannya, secara tidak langsung ia dapat melahirkan sebuah karya 'thriller' yang bersifat syumul.

Selain itu, prinsip khalayak juga dapat membentuk insan yang kamil. Prinsip ini hanya dapat dicapai apabila pembaca dapat menyerap segala nilai-nilai kebaikan, agama, falsafah, pemikiran dan ilmu yang terkandung di dalam karya tersebut. Dalam masa yang sama, pengarang turut memberikan kesedaran kepada pembaca mengenai konsep *taklif* (Shafie Abu Bakar, 1995) yang terdapat dalam karya

bercirikan ‘thriller’ Islam iaitu tujuan asal manusia diciptakan di dunia dan hubungan manusia dengan Allah SWT yang bersifat *transendental*. Gabungan unsur kesasteraan dalam ilmu Islam berjaya merangsang minat pembaca untuk mencintai Allah SWT dan Rasulullah SAW, secara tidak langsung dapat memupuk pembaca ke arah insan yang kamil.

Sebagai rumusannya, *Konsep Thriller Islam* yang dibangunkan ini memanfaatkan enam unsur thriller yang dicadangkan oleh Thrish Macdonald Skillman iaitu emosi, kejutan, keliru, takut, sangkaan, dan bahaya. Kesemua unsur ini disesuaikan dengan tiga prinsip *Teori Takmilah* iaitu sastera yang bercirikan estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pengkarya yang mengistimikan diri dan prinsip khalayak bertujuan ke arah insan yang kamil. Penyesuaian ini dilakukan dengan tujuan supaya konsep ‘thriller’ tidak berakhir dengan tujuan keseronokan sebaliknya dapat dilaraskan dan disesuaikan dengan matlamat sastera itu dan tanggungjawab pengarang mengistimikan diri sebagai pengarang yang bertanggungjawab disisi Allah SWT.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Unsur emosi

Antara emosi yang wujud dalam novel *Bidadari Bermata Bening* seperti emosi, marah, takut, malu, sedih dan kecewa. Meski begitu, jurnal ini hanya membincangkan mengenai emosi marah sahaja sebagai tanda kehadiran emosi tersebut. Contohnya mengenai perasaan marah Ayna apabila mengetahui dia dikatakan anak luar nikah ibunya yang pulang ke Indonesia setelah berhenti berkerja sebagai Tenaga Kerja Wanita Indonesia (TKWI) di tanah Arab. Rasa marah semakin meruap apabila didengari dari pihak ketiga, Zulfa menyebabkan mukanya kemerahan menahan marah apabila mendengar kata-kata berikut;

“...lulus saja sudah untung, untuk anak haram hasil serong seorang TKW di Arab. Ya, dia boleh bangga saat ini nilainya tertinggi, tapi lihat saja nasibnya *nggak* akan jauh dari ibunya. Paling-paling nanti jadi TKW di Arab terus pulang bunting kayak ibunya dahulu! Begitu katanya. Hatiku sakit mendengarnya, tapi aku kalah bicara meladeni dia.” Wajah Ayna memerah mendengar cerita Zulfa.

(Habiburrahman, 2017:15)

Kata-kata yang lahir dari mulut Neneng merupakan permasalahan yang wujud dalam kalangan TKWI yang berkerja di luar negara. Pengarang menyampaikan keresahan masyarakat melalui Neneng dan diakui oleh M. Dawam Rahardjo (2010). Menurutnya, bukan sahaja ibu yang terlibat malahan anak-anak TKWI turut menjadi mangsa. Menurut ‘thriller’ Islam, kebimbangan tersebut telah membangkitkan kesedaran masyarakat agar pihak berwajib mengambil langkah proaktif untuk melindungi TKWI ketika berkerja di luar negara. Perasaan tersebut berasaskan surah *al-Anfal: 27*, mengenai tanggung jawab dan amanah yang perlu dilaksanakan

Dari perspektif Barat pula, perasaan ini lahir kerana tidak berpuas hati dengan kelabihan seseorang atau untuk menutupi kelemahan diri. Pernyataan ini ada kebenarannya, kerana Neneng gagal mendapat keputusan yang baik dalam Ujian Nasional yang didudukinya. Sabarudin Hussein (2014) menjelaskan mengenai hak individu menurut Barat bersifat mutlak dan tidak boleh dihalang oleh sesiapa. Jika dilihat dari pandangan pengkarya pula, pengarang secara tidak langsung menyentuh persoalan anak tidak sah taraf dan tuduhan berzina. Pengarang mengistimikan dirinya dengan membangkitkan rasa takut kepada Allah SWT kepada mereka yang melakukan dan menuduh zina. Allah SWT mengeji, mengutuk dan mengancam mereka yang terlibat dengan hukuman rejam di dunia, azab neraka di akhirat seperti tercatat dalam surah *An-Nuur* ayat 4 dan 13.

Berdasarkan prinsip khalayak pula, pengarang melunaskan tanggung jawabnya dengan memberikan peringatan kepada TKWI agar tidak terdedah kepada pengeksploitasi undang-undang. Secara tersirat, pengarang mengajak pembaca menjauhi perbuatan *fasya* dan mungkar (Shafie Abu Bakar, 1996), dan berkait dengan surah *an-Nuur: 2* dan *al-Isra’: 32*. Dari segi teks pula, perasaan tersebut berkait dengan akhlak mengenai kesahihan berita yang diterima mendorong kita merenungi ayat 18 dari surah *as-Sajadah*. Berdasarkan ayat ini, pengarang secara simbolik mengangkat aktiviti bersastera sebagai media beribadah dengan cara begitu estetik.

Unsur kejutan

Selain itu, pertunangan Ayna dengan Haryo Bagus karloto @ Yoyok telah mengejutkan penduduk kampung Kaliwenang. Mereka seakan tidak mempercayai pelajar pintar lulusan pesantren akan berkahwin dengan anak Kusmono. Mbah Kamali dan Mbah Rukmini antara penduduk kampung yang terkejut dengan penghabaran tersebut.

“Jadi benar, kamu tunangan dengan anaknya Kusmono itu? Siapa namanya, Yoyok?” tanya Mbah Kamali.
Sungguh aku kaget mendengar kabar itu? Sayang banget kalau kamu muda ini sudah nikah....

(Habiburrahman, 2017:65-166)

Mbah Kamali menyatakan perasaan terkejutnya dengan mengatakan ‘*Sungguh aku kaget mendengar kabar itu*’. Mbah Kamali tidak menyangka Ayna sanggup berkahwin dengan Yoyok, seorang korupsi, pemabuk, pengedar dadah dan kaki perempuan. Selain itu, Mbah Kamali terkejut apabila Allah SWT menguji Ayna dengan mengahwinkannya dengan Yoyok. Dugaan Allah SWT berdasarkan surah *An-Nur: 3* yang bermaksud setiap pezina lelaki dan wanita akan mendapat jodoh seperti dirinya. Dalam kes ini, situasi berbeza berlaku kepada Ayna. Dari perspektif Barat, mereka menentang perkahwinan bawah umur atau diatur keluarga tanpa cinta kerana bertentangan dengan nilai dan hak kebebasan sehingga berlaku pergaulan bebas dalam kalangan muda mudi. Dari sudut pengkarya pula, unsur kejutan tersebut membongkar karakusan Kusmono mengumpul kekayaan dengan cara yang salah tanpa berasa takut. Hal ini kerana Allah SWT mengancam mereka yang terlibat dengan seksaan dan azab seperti tertera dalam surah *An-Nahl: 72*.

Sementara itu, unsur kejutan menurut prinsip khalayak berperanan menimbulkan rasa takut kepada Allah SWT. Mbah Kamali berasa takut Ayna akan diseret dengan cara hidup Yoyok yang tidak terbatas, apatah lagi usianya yang masih muda. Berdasarkan kepada prinsip ini, pengarang akan mencapai kesempurnaan apabila mesej-mesejnya dihadap dengan baik oleh pembaca. Dari prinsip sastera pula, penggunaan kata yang ringkas, padat dan menarik berjaya menimbulkan kejutan dan sapsens kepada pembaca. Selain itu melalui penggunaan bahasa kiasan ‘*semuda ini sudah nikah....*’ menunjukkan unsur penentangan secara senyap dan menjadikannya lebih misteri (Shafie Abu Bakar, 1997) serta menarik.

Unsur Keliru

Ketika membawa hidangan minuman kepada suami dan bapa mertuanya, Kusmono secara tiba-tiba bersuara mengenai kesesuaian jodoh mereka. Kata-kata tersebut menyebabkan Ayna terpana dan keliru mengenai kesesuaian kata-kata tersebut diungkapkan ketika itu. Ayna berasa binggung mengenai keluarga Kusmono yang seperti keliru memilih menantu yang sesuai dengan ragam kehidupan mereka. kekeliruan sebenar wujud apabila Ayna dilihat sebagai penghalang aktiviti salah mereka. Oleh yang demikian, ia mengingatkan kita kepada Allah SWT yang menegur manusia yang sering alpa, lalai dan berbuat maksiat kepada-Nya seperti dirakamkan dalam surah *ar-Rahman: 55* yang bermaksud; “*Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?*”. Dilihat dari sudut Barat pula, ia menggambarkan sikap tidak bermoral Kusmono yang mengeksploitasi kehidupan anaknya untuk kepentingan diri, bertentangan dengan peranan dan tanggung jawab ketua keluarga.

Selain itu, unsur keliru dari sudut pengkarya berjaya membangkitkan kesedaran untuk membina keluarga bahagia berteraskan tauhid (A. Halim Ali, 2003). Intipati utama membentuk keluarga bahagia mestilah berteraskan iman dengan sentiasa melindungi dan menjaga keluarga dari azab Allah SWT. Oleh kerana itu, Allah SWT memberi ingatan melalui surah *at-Tahrim:6* supaya menjaga diri dan keluarga mereka daripada api neraka. Pembaharuan peringatan Allah SWT oleh pengarang secara tidak langsung turut mengistimikan dirinya sebagai pengarang. Dari segi khalayak pula, ia membawa mesej kesan penglibatan keluarga dalam rumah tangga anak-anak. Menurut Shafie Abu Bakar (1997), mesej positif yang disampaikan pengarang berupaya membentuk rasa kemanusiaan, bernilai murni dan beragama.

Dalam pada itu, pengarang turut memaparkan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat dengan cara berseni, mengenai kemelut pasangan muda yang terpaksa menghadapi mehnah orang tua. Pengarang secara simbolik mencitrakan idea seperti tema, plot, tema, mesej secara maknawi dan lafizi (Shafie Abu Bakar, 1997) yang kemudian melahirkan prinsip sastera yang bercirikan Takmilah.

Takut

Sementara itu dalam kisah yang lain, pengarang mengisahkan rasa takut Ayna yang terlambat menunaikan solat Maghrib kerana keletihan. Ayna tertidur sehingga jam 8:00 malam. Kelewatan ini menyebabkannya sangat menyesal dan takut Allah SWT memarahinya. Ayna takut dirinya dicampakkan ke dalam neraka *saqar* kerana tidak bersolat sebagaimana firman Allah SWT melalui surah *al-Muddaththir*:43-44. Oleh itu, Ayna sangat menyesal dengan peristiwa tersebut sebagaimana dialog berikut;

“*Astaghfirullah*, aku kehilangan waktu Maghrib.”

Ayna menangis. Itulah untuk pertama kalinya sejak ia masuk pesantren, ia kehilangan waktu shalat. Maghrib telah lewat. Ia merasa sangat berdosa. Ia merasa sangat menderita. Ia meneguk satu kenikmatan dunia, tapi hilang satu nikmat ibadah.

(Habiburrahman, 2017:130)

Rasa takut Ayna menurut ‘thriller’ Islam ialah mengenai rasa takut kepada Allah SWT iaitu meninggalkan solat secara sengaja. Perbuatan meninggalkan solat dengan sengaja merupakan dosa besar (*an-Nisa*’:31), dan dosanya sama seperti berzina dengan ibu bapa sendiri. Selain itu, mereka yang suka melewatkan solat pula akan beroleh kecelakaan (*al-Maun*: 4-5) dengan dicampakkan ke neraka *wail*, neraka yang sangat azab menyebabkan Ayna rasa sangat menderita kerana terlalu takut.

Berdasarkan perspektif Barat Ayna berasa bersalah kerana engkar dengan perintah Allah SWT. Ia berlaku kerana terlalu menyibukkan diri dengan hal keduniaan apatah lagi, Barat yang menganggap agama sebagai milik individu menyebabkan pergantungan terhadapnya semakin merosot. Dari sudut kebudayaan Barat, pematuhan terhadap agama menjadikannya terasing dan membentuk kelas sosial masyarakat. Barat menganggap agama itu lahir dari rasa berputus asa ditambah dengan sikap terlalu mengagungkan demokrasi menyebabkan rasa takut kepada Tuhan sudah tidak wujud lagi dalam sanubari mereka.

Pengarang berjaya mengistikmalkan dirinya dengan membangkitkan ketakutan kepada pembaca agar sentiasa menjaga solat. Pengarang mengingatkan pembaca agar sentiasa bersolat di awal waktu kerana Allah SWT sangat menyukainya kerana sembahyang tersebut mendoakan keampunan kepada Allah SWT kepada tuannya sehingga hari kiamat dan sebaliknya. Oleh itu, menurut Shafie Abu Bakar (1996) kisah tersebut berupaya mempengaruhi pembaca agar terus taat kepada Allah SWT. Menurut prinsip khalayak pula, unsur takut bertujuan mendidik khalayak menjadi insan kamil berdasarkan pengajaran yang terdapat di dalamnya. Oleh itu, usaha dakwah kepada masyarakat menjadi lebih berkesan melalui penyampaian sastera Islam (Shafie Abu Bakar, 1996) secara berkhemah. Bagi orang yang beriman, mereka sentiasa menyimbahi jiwa mereka dengan beramal soleh dan bertawakal kapadanya seperti disebutkan Allah SWT dalam surah *al-Insyirah*, *al-Fajr* dan *al’Alaq*.

Dalam pada itu, menurut prinsip sastera yang bercirikan estetik dan bersifat *Takmilah*, rasa takut tersebut digambarkan dengan baik. Pengarang menggambarkan ketakutan dengan menggunakan frasa kata ‘*Ayna menangis*’. Perkataan ‘menangis’ digunakan untuk menunjukkan rasa sedih, pilu, sesal dan kecewa yang lahir kerana takut kepada Allah SWT. Selain itu, pengarang menggunakan ayat ‘*merasa sangat berdosa*’ dan ‘*menderita*’ (diazab oleh Allah SWT). Pengarang turut menggunakan gaya bahasa hiperbola seperti ‘*meneguk satu kenikmatan dunia, tapi hilang satu nikmat ibadah*’ untuk menggambarkan kerugian yang ditanggung. Oleh itu, Allah SWT menerangkan mengenai kenikmatan yang bakal dikecapi oleh mereka yang bertawakal seperti terkandung dalam surah *Ali Imran*: 133, *al-Hasyr*: 18, dan *Maryam*: 133. Oleh yang demikian, penghayatan pembaca mampu membentuk peribadi pembaca menjadi lebih baik.

Sangkaan

Unsur sangkaan yang terdapat dalam novel ini mengenai sangkaan baik sesama manusia, sangkaan buruk sesama manusia dan bersangka baik kepada perkara yang tidak elok. Ayna contohnya, bersangka baik kepada pakdenya, Darsun. Meski begitu, ia mula goyah apabila tetangganya mempersoalkan kewajaran Darsun menjodohkan Ayna dengan Yoyok seperti kata-kata berikut;

“Kalau dia baik seperti dikatakan pakdemu, semestinya ia dikasihkan si Aripah, anaknya. Masak dikasihkan kamu! Aku merasa pakdemu ada pamrih, atau hutang...Nasihat dan saran Bu Hajjah Muniroh membuat kedua matanya terbuka. Ia selama ini memang terlalu polos dan terlalu berprangsanangka baik pada siapa saja.

(Habiburrahman, 2017:168)

Kata-kata yang diluahkan jirannya pada suatu pagi seusai solat subuh. Mereka terkejut apabila mengetahui Ayna akan berkahwin dengan Yoyok. Perkahwinan tersebut diragui apabila pakde mengahwinkan Yoyok dengan Ayna tidak dengan anaknya. Kata-kata tersebut mewujudkan saspens kepada pembaca. Menurut ‘thriller’ Islam, unsur sangkaan tersebut telah menimbulkan syak wasangka, curiga, rasa was-was, sangsi dan ragu-ragu. Rasa tersebut sebenarnya bukan ditujukan kepada Ayna tetapi pembaca, mengenai sejauh manakah bersikap adil dalam segala tindakan. Oleh kerana itu, Allah SWT selalu mengingatkan kita melalui surah *al-Hujurat*: 6, untuk menyelidiki kebenaran sesuatu perkhabaran agar tidak menganiayai orang lain.

Dari sudut Barat pula, rasa ragu yang bersarang dalam kepala Mbah Kamali dapat dikaitkan dengan budaya dan pemikiran setempat (Matteo Ferrari, 20016). Hal kerana budaya dan pemikiran memiliki hubungan yang bersifat simbiosis dan saling memerlukan, bagaimanapun ia tidak boleh dengan sendiri kerana budaya (*culture*) tidak dapat diterima oleh yang lain (*cognition*). Menurut Matteo Ferrari, masyarakat boleh menerima bentuk perkahwinan tersebut (budaya), tetapi tidak dari pemikiran kerana ia menyimpang dari kebiasaan masyarakat. Menurut pengkarya pula, unsur tersebut menggambarkan penyimpangan moral yang berlaku dalam masyarakat. Terdapat sesetengah pemimpin masyarakat yang menggunakan kekuasaan untuk kepentingan diri. Dalam hal ini, pengarang menegur sikap pemimpin yang tidak jujur apabila menggunakan pengaruhnya agar masyarakat mematuhi kehendaknya. Oleh itu, tidak menjadi kewajiban masyarakat untuk mentaati pemimpin sedemikian (*an-Nisa* :59). Disebabkan itu, pengarang berjaya mengistimakan diri sebagai pengarang dengan menyampaikan pesanan tersebut.

Dari segi khalayak pula, pengarang membangkitkan sifat *tabayyun* dengan menyelidik kebenaran sesuatu berita supaya tidak berlaku fitnah seperti diajarkan oleh Islam. Pesanan tersebut berdasarkan kepada surah *Ali Imran*: 103. Oleh kerana itu Shafie Abu Bakar (1995) berpandangan bahawa pengarang telah berjaya mendidik pembaca untuk menjauhi perkara mungkar dengan sentiasa bersikap kasih sayang dan saling lengkap-melengkapi. Menurut teks pula, pengarang membangkitkan persepsi/sangkaan pembaca mengenai sesuatu isu. Pengarang menyarankan pembaca supaya bersikap objektif dalam menerima sesuatu perkhabaran. Pesanan ini disampaikan dengan penuh simbolik oleh pengarang dengan menggunakan pelbagai gaya bahasa untuk menggambarkan sangkaan tersebut. Kata-kata seperti “*Kalau dia baik seperti dikatakan pakdemu, semestinya ia dikasihkan si Aripah, anaknya. Masak dikasihkan kamu! Aku merasa pakdemu ada pamrih, atau hutang*”. Bait-bait ayat seperti ini sudah tentu membawa maksud tersirat sebaliknya kerana ia mengandungi unsur falsafah (Shafie Abu Bakar, 1996) dan secara tidak langsung menjelaskan peranan sastera untuk menggalakkan manusia berbuat baik sesama manusia.

Unsur Bahaya

Selain itu, unsur bahaya dikesan seusai perceraian Ayna dengan Yoyok apabila Hakim Brams Margojaduk mengajaknya berkahwin secara ‘siri’ bagaimanapun ditolak. Ayna bimbang perkahwinan tersebut melahirkan zuriat, sedangkan dari segi perundangan negara perkahwinan tersebut tidak sah. Kebimbangan tersebut berdasarkan sikap Brams yang tidak bertanggung jawab sebelum ini. Perkahwinan tersebut meletakkan Ayna dan anaknya (jika berkahwin) dalam situasi bahaya terutama pandangan masyarakat, status anak, pembiayaan dan pendidikan. Sikap yang ditunjukkan oleh Brams tidak bersesuaian dengan pesanan Allah SWT melalui surah *at-Tahrim*: 6 mengenai tanggungjawab ketua keluarga untuk menjaga anggota keluarganya dari api neraka.

Menurut ‘thriller’ Islam, unsur bahaya tersebut menggambarkan rasa bimbang, takut dan risau mengenai masa depan. Jika diawal perkahwinan lagi sudah ada riak tidak bertanggung jawab, tidak mustahil selepas itu, dan sudah pasti menimbulkan kegusaran kepada pasangannya. Kebimbangan Ayna secara terang-terangan bersalahan dengan tanggung jawab ketua keluarga menurut sebuah hadis diriwayatkan oleh al-Bukhari yang bermaksud: “*Lelaki (suami) adalah pemimpin bagi keluarganya dan kelak ia akan ditanya (bertanggungjawab) tentang mereka*”.

Dari perspektif Barat pula mengenai kebimbangan pasangan yang gagal menjalankan tanggung jawab. Menurut undang-undang Barat, setiap pasangan mempunyai tanggung jawab bersama mendidik, dan membesarkan anak. Mortimer Jerome Adler (2007), menjelaskan ibu bapa bertanggung jawab kepada

anaknyanya dengan membiayai, menjaga dan melatih mereka sehingga dewasa. Di sisi pengkaryanya pula, ia merujuk tanggung jawab keluarga mendidik dan membesarkan anak-anak menurut Islam. Tujuan pengarang membangkitkan unsur ini untuk menyedarkan pembaca mengenai tanggung jawab suami sebagai ketua keluarga seperti termaktub dalam surah an-Nisa': 34 dan membolehkan pengarang mengistimikan dirinya berdasarkan kepada mesej yang disampaikan.

Berdasarkan prinsip khalayak pula, pengarang cuba menyedarkan masyarakat mengenai bahaya yang bakal menanti mereka yang bernikah tanpa melalui proses undang-undang. Selain itu, ia turut menyindir penegak hukum yang bertopengkan keadilan dengan mengeksploitasi undang-undang untuk kepentingan peribadi. Bahkan, kita diwajibkan untuk bersikap adil dan benar walaupun tidak bersesuaian dengan kehendak kita. Firman Allah SWT dalam surah *al-Maai'dah* ayat 8 yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman. hendaklah kamu sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah dan menerangkan kebenaran". Berdasarkan unsur ini, pengarang cuba memupuk pembaca menjadi insan yang kamil dengan mengambil intisari di atas sebagai pengajaran.

Sementara itu, dari prinsip sastera pula unsur bahaya bertujuan mendidik pembaca dengan menggunakan elemen sastera dengan penuh berseni. Pengarang menggunakan teknik plot untuk mewujudkan sensasi dan saspens novel, menjadikannya lebih segar dan menarik minat pembaca serta memiliki kesempurnaan dari sudut maknawi (Shafie Abu Bakar, 1997). Penggunaan teknik plot sebegini oleh pengarang, telah mempengaruhi alur plot selepas itu apabila Brams mengahwini Aripah, sepupunya secara 'siri' dan menceraikannya tidak berapa lama selepas itu.

KESIMPULAN

Penggunaan enam elemen 'thriller' dari Skillman dan penyesuaian dengan prinsip Takmilah dalam membentuk konsep 'Thriller' bertujuan untuk menyedarkan pembaca dengan menyempurnakan tanggungjawab pengarang dengan menggunakan keindahan dalam karya sastera. Model ini boleh dijadikan asas dalam memahami unsur-unsur 'thriller' popular, berasaskan kerangka 'thrillers' yang lebih sesuai dengan pengarang Muslim sebagaimana yang telah dibuktikan ke atas novel '*Bidadari Bermata Bening*' karya Habiburrahman El-Shirazy. Hal ini juga sangat signifikan dalam konteks menyediakan alternatif kaedah kritik teks sastera berasaskan elemen thrillers yang sejajar dengan nilai Islam itu sendiri. Penyepaduan idea dalam konteks membangunkan konsep thriller ini sangat penting terutama dalam waktu kesusasteraan berdepan dengan era teknologi maklumat. Perkembangan ini menurut Abdul Halim Ali, *et al* (2020) menuntut pelbagai pendekatan baharu yang lebih menarik kepada kesusasteraan Melayu.

RUJUKAN

- A. Halim Ali. (2018). *Inti Sari Teori Sastera: Barat dan Malaysia*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- A. Halim Ali. (2003). *Bingkisan sastera*. Kuala Lumpur: Diwangsa Publications & Distributors.
- A. Wahab Ali. (2012). *Kemunculan novel dalam sastera moden Indonesia dan Malaysia: Satu kajian perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hadi W.M. (2000). *Cakrawala estetik dan budaya*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Abdul Halim Ali, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin, Mazdi Marzuki, Miftachul Huda (2020), 'Digital Approach of Malay Literature through Interactive Computer Method (ICM): A Proposed Framework Model` Solid State Technology, 63 (6), 12651-12666
- Abdul Halim Ali. (2014). *Teori Takmilah: Peluasan dan pentaksiran*. Tanjong Malim: Penerbit Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Al-Huda, Terjemahan Al-Hidayah Al-Quran Al-Karim dalam Bahasa Melayu*. (2014). Shah Alam: Al-Hidayah House Of Quran Sdn. Bhd.
- Ali, A. H., & Abdullah, I. R. (2018). Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel 'Diari Seorang Jururawat' Karya Aminah Mokhtar. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(2), 147-161. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss2pp147-161>

- Ali, A. H., & Ismail, K. (2013). Asas Pembinaan Teori Sastera Oleh Sarjana Sastera di Malaysia, *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 1(1), 1 - 20. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/96>
- Arya W.Wirayuda (ed). (2019). *Kota dan jejak aktivitas peradaban*. Surabaya: Airlangga University Press.
- Brown, Dan. (2003). *The Da Vinci Code*. London: Transworld & Bantam Books.
- Derry, Charles. (2001). *The Suspense Thriller: Films in the Shadow of Alfred Hitchcock*. North Carolina: McFarland & Company Inc.
- Fayyaz Ahmad, Nazir Ahmad Gilkar & Javid Ahmad Darzi. (2008) *Organisational Behaviour*: Atlantic Publisher & Distributors
- Fletcher, Tony. (2009). *Hedonism: A Novel*. London: Omnibus Press.
- Flynn, Gillian. (2012). *Gone Girl*. London: Crown Publishing Group.
- G Din, AH Ali (2020), Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu, *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8 (1), 26-41
- Habiburrahman El-Shirazy. (2017). *Bidadari Bermata Bening*. Jakarta: Penerbit Republika.
- Hafizah Iszahanid. 'Novel thriller seram cinta kuasai pasaran Malaysia' dlm. *Berita Harian* <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/01/525743/novel-thriller-seram-cinta-kuasai-pasaran-malaysia>.
- Hashim Awang. (1995). *Patriotisme dan nasionalisme dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani (penyelenggara). (1988). *Konsep dan pendekatan sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- IR Abdullah, AH Ali, (2019), Terapan Konsep Feminisme Talbiah Dalam Cerpen Akar Cinta Karya Aminah Mokhtar, *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7 (1), 46-85
- Irwan P. Ratu Bangsawan. (2018). *Riwayat dan karya: Sebuah portfolio*. Kabupaten Banyuasin.: Dinas Pendidikan Pemuda.
- Ismail Ibrahim. (1999). *Isu-isu semasa dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- J.D Parera. (2004). *Teori Semantik*. Erlanga: Penerbit Erlanga.
- Littrup, Lisabeth. (1996). *Identity in Asian Literature*. Cornwall: Nordic Institute of Asian Studies, Curzon Press.
- M. Dawam Rahardjo. (2010). *Merayakan kemajemukan kebebasan dan kebangsaan*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Mana Sikana. (2013). *Berdiri di akar diri: Kritikan sastera Melayu pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Matteo Ferrari. (2016). *Risk Perception, Culture, and Legal Change: A Comparative Study on Food Safety in the Wake of the Mad Cow Crisis* London: Routhledge
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2014). *Oksidentalisme dalam sastera Melayu: Sebelum merdeka hingga era Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Mohd. Taib Osman. (1988). *Kebudayaan Melayu dalam beberapa persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zariat Abd Rani. (2011). *Seksualiti dalam novel Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mortimer Jerome Adler (terj) (2007). *Gagasan Agung: Sebuah Leksikon Pemikiran Barat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Nurazmi Kuntum. (1991). *Teori dan pemikiran sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Kelantan, Syed. (1987). *Kecenderungan baharu dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Izwani Mohamad Noor. (2011). *Sutera Bidadari, sebuah 'thriller' dan media*. Gelugur: Universiti Sains Malaysia dimuat turun pada 4/3/2019 http://eprints.usm.my/32057/1/Nur_Izwani_Mohamad_Noor%2C_Halimah.pdf
- Rahimah A. Hamid (edit.) (2015). *Pandainya Melayu dalam karya Sastera Melayu*. Gelugur: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Rahimah A. Hamid, Saad Othman dan Ahmand Moghni Salbani. (2014). *Rekayasa kearifan tempatan dalam Sastera Melayu*. Gelugor: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Roslimh. (2019). 'Infinity War novel terlaris 2018: Hadi Fayyad' dari <https://www.roslihanip.com/novel/infinity-war-novel-terlaris-2018-hadi-fayyadh>.
- Rubin, Martin. (1999). *Thriller*. Cambridge: Penerbit Universiti Cambridge.
- Sauerberg, Lars Ole (2016). *The Legal Thriller from Gardner to Grisham: See you in court!*. London: Macmillan Publishers Ltd.
- Sabarudin Hussein. (2014). *Yahudi, Syiah, dan Dajal penyebar fitnah, pemesong akidah*. Batu Caves: PTS Islamika.
- Shafie Abu Bakar. (1997). 'Teori Sastera Islam (Takmilah, Teori, Falsafah dan Prinsip)' dlm. Mana Sikana (Selenggara). (1997). *Teori sastera dan budaya dalam kajian akademik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. (1996). 'Takmilah: teori, falsafah dan prinsip'. *Dewan Sastera*. November.
- Shafiee Abu Bakar. (1995). 'Sastera Islam: Teori pengindahan dan penyempurnaan tauhid' dalam S. Jaafar Hussin (penyelenggara). (1995). *Penelitian sastera: Metodologi dan penerapan teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Che' Man. (2014). *Sangeetha dalam Kritikan*. Gelugor: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2008). *Citra Sastera: Sains dan teknologi, ruang dan budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tarigan, Henry Guntur. (1986). *Prinsip-prinsip dasar sastera*. Bandung: Angkasa
- Yakob Sumarjo. (1995). *Sastra dan massa*. Bandung: Penerbit ITB
- Yusoff Zaky Yaacob. (1986). dlm. Ismail Hussein. (1996). *Sastera dan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.